

04/02/1999

Usaha burukkan pemimpin Pusat dikecam

SIK, Rabu - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata parti pembangkang menggunakan taktik kotor bagi menarik pengundi di Sabah dengan meniupkan semangat kedaerahan sempit di kalangan penduduk negeri itu.

Beliau berkata, selepas melawat beberapa daerah di negeri itu kelmarin, banyak aduan dikemukakan berhubung kempen pemimpin pembangkang yang cuba memburuk-burukkan pemimpin dan pekerja parti dari Semenanjung.

"Mereka (pemimpin dan pekerja parti pembangkang) juga turut menghasut rakyat tempatan menolak projek pembangunan yang dicadangkan Kerajaan Persekutuan," katanya, di sini petang semalam.

Menurutnya, parti pembangkang tidak sepatutnya menggunakan taktik seumpama itu kerana ia boleh memecah-belahkan perpaduan rakyat di negeri itu.

Dr Abdul Hamid berkata, rakyat Sabah akan kerugian besar jika mereka terpengaruh dengan pelbagai dakwah yang disebar oleh parti pembangkang.

"Saya difahamkan pelbagai kementerian akan melaksanakan pelbagai projek di negeri itu tidak lama lagi bagi kepentingan masyarakat tempatan.

"Berdasarkan pengalaman lalu, rakyat negeri itu perlu yakin terhadap janji pemimpin kerajaan Barisan Nasional (BN) kerana semua projek yang dicadangkan dilaksanakan," katanya.

Ditanya mengenai peluang BN memenangi pilihan raya negeri itu, beliau berkata pelbagai komponen BN tidak menghadapi masalah untuk menang kerusi masing-masing.

"Kedatangan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ke Sabah baru-baru ini menaikkan lagi sokongan penduduk tempatan kepada BN.

"Kita menjangkakan sokongan kepada BN akan memuncak selepas lawatan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) pada 18 Februari ini," katanya.

(END)